

TEKS UCAPAN

MAJLIS

MAKAN MALAM DAN PERASMIAN

KONVENSYEN TRANSFORMASI MODAL INSAN

MIKRO KREDIT : MEMPERKASAKAN EKONOMI ANGGOTA KOPERASI

OLEH

YANG BERBAHAGIA DATO' BASARUDDIN BIN SADALI

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN
KEPENGUNAAN**

DI

BALLROOM, HOTEL IXORA, SEBERANG PERAI, PULAU PINANG

PADA

RABU, 27HB JANUARI 2016

MASA

7.45 MALAM

BISMILLAHIRAHMANIRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH

**YANG BERBAHAGIA PROF DATUK MOHD YUSOF BIN KASIM
PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH
MAKTAB KOPERASI MALAYSIA**

**YANG BERUSAHA TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD
TIMBALAN KETUA PENGARAH (AKADEMIK)
MAKTAB KOPERASI MALAYSIA**

KETUA-KETUA JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KPDKK

PARA KOPERATOR, WARGA MKM DAN PIHAK MEDIA

DATUK-DATUK, DATIN-DATIN, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

Pendahuluan

1. Terlebih dahulu saya memanjatkan rasa kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan keizininannya dapat kita berkumpul pada malam ini di Majlis Makan Malam dan Perasmian Konvensyen Transformasi Modal Insan “Mikro Kredit : Memperkasakan Ekonomi Anggota Koperasi” yang bermula pada hari ini sehingga esok. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada seluruh warga MKM yang telah berusaha gigih dalam memastikan majlis pada malam ini berjalan lancar dan sempurna.

2. Sehubungan itu, ucapan tahniah dan syabas kepada semua urus setia program khususnya MKM Zon Utara yang telah berjaya menganjurkan konvensyen ini dengan jumlah penyertaan yang agak besar dari koperator-koperator terutamanya dari negeri-negeri di utara semenanjung Malaysia. Saya berharap konvensyen ini nanti dapat memberi pelbagai maklumat yang bermanfaat dan dapat dijadikan panduan yang berguna kepada para peserta dalam membantu meningkatkan pencapaian gerakan koperasi di masa depan.

3. Terima kasih juga kepada para peserta dan juga koperator yang hadir pada malam ini kerana kerjasama serta sokongan yang berterusan dari anda semua penting bagi kejayaan kita merangsang penglibatan koperasi dalam sektor ekonomi Negara dan memastikan perkembangan sektor koperasi yang terus mantap dan relevan.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

Tanggungjawab MKM dalam gerakan Koperasi

4. Saya amat berbangga dengan peranan yang dimainkan oleh gerakan koperasi dalam pembangunan sosio ekonomi Negara secara inklusif. Sektor koperasi di Malaysia kini telah mengorak langkah ke hadapan dengan menyertai pelbagai bidang komersil berimpak tinggi dan kompetitif. Transformasi dalam gerakan koperasi telah menunjukkan bahawa masyarakat bertambah yakin dengan

kemampuan gerakan koperasi untuk menjaga pertumbuhan ekonomi Negara. Usaha-usaha berterusan perlu dilaksanakan bagi memastikan sektor koperasi terus kompetitif dan berdaya saing. Selain itu, pembangunan modal insan dalam gerakan koperasi perlu dibangunkan secara lebih terancang dan berterusan.

5. MKM adalah satu-satunya institut pendidikan dan latihan koperasi di Negara ini. MKM telah diberi tanggungjawab bagi pembangunan modal insan dalam gerakan koperasi. Adalah menjadi harapan saya agar MKM dapat meneruskan agenda pembangunan modal insan sepanjang hayat dan berkeupayaan membina generasi muda yang lebih kompeten dan berdaya saing dalam membantu pencapaian gerakan koperasi di masa hadapan. Sehubungan itu, MKM juga diharap dapat melahirkan lebih ramai golongan muda dalam profesion gerakan koperasi seiring dengan Dasar Koperasi Negara 2011-2020.

6. Bagi tujuan itu, MKM perlu memberi tumpuan kepada bidang-bidang yang berkaitan dengan keusahawanan dan perniagaan. Bidang-bidang ini telah terbukti mampu meningkatkan keupayaan gerakan koperasi dalam pembangunan Negara. Selain itu, kursus-kursus yang berkaitan dengan bidang keberhasilan harus ditingkatkan dalam menjaga ekonomi gerakan koperasi seperti sektor perladangan, peruncitan, pelancongan, hartanah dan juga kewangan. MKM juga harus menyediakan tenaga pengajar yang lebih kompeten serta berdedikasi agar pembangunan modal insan dalam gerakan koperasi berteraskan ilmu yang inovatif, efektif dan berorientasikan prinsip koperasi yang cemerlang.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

Transformasi modal insan dalam pencapaian gerakan koperasi

7. Saya difahamkan MKM sedang melalui proses transformasi MKM. Transformasi ini melibatkan pengstrukturkan baru organisasi yang memberi lebih banyak ruang kepada peranan pendidikan dan latihan MKM sebagai pemancu modal insan koperasi. Di samping melahirkan generasi muda dalam gerakan koperasi masa depan, ia juga sejajar dengan Dasar Koperasi Negara dalam meningkatkan keupayaan modal insan koperasi serta membantu menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak RM50 Billion menjelang 2020.

8. Dasar Koperasi Negara 2011-2020 telah menggariskan lima teras strategik untuk koperasi menjadi penyumbang penting kepada KDNK. Antara teras strategik yang harus diberikan tumpuan dan penting dalam merealisasikan hasrat tersebut adalah mewujudkan dan meningkatkan keupayaan modal insan koperasi dan sumber manusia. Anggota koperasimerupakan penentu kejayaan dan masa depan koperasi. Oleh itu, aspek pendidikan adalah penting dalam usaha membina keupayaan modal insan, membangunkan kekuatan intelektual, meningkatkan pengetahuan perniagaan serta membentuk sikap positif di kalangan anggota koperasi.

9. Modal insan adalah merupakan aset berharga kepada sesebuah Negara dimana ia boleh disuntik nilai tambahnya, ditingkatkan nilai inteleknya serta diperkaya modal budayanya. Pembangunan modal insan adalah penentu bagi meningkatkan daya saing dan produktiviti Negara. Bersesuaian dengan kehendak industri serta pasaran semasa dan masa hadapan, pembangunan modal insan perlu dirancang dengan rapi agar dapat meningkatkan bina upaya generasi muda Malaysia ke arah melahirkan guna tenaga yang terlatih dan berdaya saing, sepadan dan mencukupi dengan keperluan Negara pada tahun 2020.

10. Pendidikan memainkan peranan yang penting dalam usaha membangunkan modal insan yang mempunyai jati diri yang kukuh,

berketerampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan Negara maju menjelang 2020. Modal insan koperasi yang ingin dihasilkan perlu mampu untuk berfikir secara kritis dan kreatif, berkemahiran menyelesaikan masalah, berkeupayaan mencipta peluang-peluang baru, mempunyai ketahanan serta berkebolehan untuk berhadapan dengan persekitaran dunia global yang sering berubah-ubah.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

Penutup

11. Saya berharap agar MKM menjadi sebuah institusi pendidikan dan latihan koperasi yang unggul dalam gerakan koperasi dan peranannya akan terus relevan membangunkan modal insan koperasi dalam pembangunan Negara. Justru, MKM perlu meningkatkan keupayaan warga kerjanya dengan membudayakan amalan kerja cemerlang, memperkasa budaya produktif dan inovatif, berprestasi serta berintergriti dalam memikul tanggungjawab. Transformasi yang dilaksanakan oleh MKM membuka dimensi baru agar lebih dinamik dan progresif bagi mencapai sasaran keberhasilan utama Dasar Koperasi Negara 2011-2020 dalam meningkatkan keupayaan modal insan koperasi.

12. Sehubungan itu, saya begitu yakin dengan keupayaan MKM dalam pembangunan modal insan koperasi amat tinggi bagi mencapai aspirasi kerajaan dan membantu gerakan koperasi sebagai penyumbang penting dalam pencapaian ekonomi Negara. Saya juga percaya pencapaian MKM akan terus cemerlang dan meningkat di masa hadapan.

13. Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan jutaan terima kasih dan tahniah kepada urus setia dan mereka-mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam majlis ini.

Dengan lafaz ‘Bismillahirrahmanirahim’, saya dengan ini merasmikan “Konvensyen Transformasi Modal Insan, Mikro Kredit : Memperkasakan Ekonomi Anggota Koperasi”

12. Sekian. Terima Kasih

Wabillahitaufik Walhidayah Wasamualaikum Warahmatullah
Hiwabarakatuh.